

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (17)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 16 TAHUN 2020**

**PINDAAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN,
KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI
BADAN BERKANUN KERANA MENJALANKAN
TUGAS RASMI BAGI UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

Pejabat Bendahari

7 Oktober 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (17)

7 Oktober 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 16 TAHUN 2020 **PINDAAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN** **KEPADA PEGAWAI BADAN BERKANUN KERANA MENJALANKAN TUGAS** **RASMI BAGI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai pindaan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai Badan Berkanun kerana Menjalankan Tugas Rasmi bagi Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Khas Bilangan 11 Tahun 2020 yang telah bersidang pada 11 Mei 2020 telah meluluskan kertas kerja Pindaan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai Badan Berkanun kerana Menjalankan Tugas Rasmi bagi Universiti Malaysia Kelantan manakala Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Bilangan 2 Tahun 2020 pada 2 Jun 2020 telah memperakukan kertas kerja dan seterusnya diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2020 (Kali Ke-55) pada 23 Ogos 2020.

3. PINDAAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN

- 3.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah membuat pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan mengenai Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam

Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis) – (WP 1.4). Pindaan yang dibuat adalah berkaitan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang dikuat kuasakan bermula 1 Januari 2020.

3.2 Oleh yang demikian, UMK sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang menggunakan peraturan dan pekeliling dari pihak Kementerian telah bersetuju meluluskan agar kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang sedia ada dipinda mengikut kadar baharu sepertimana dalam WP 1.4.

3.3 Berikut merupakan pindaan bagi kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang telah diluluskan:

3.3.1 Kadar sedia ada:

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Satu-satu Bulan	KELAS				
	A	B	C	D	E
	(sen/km)				
500 kilometer pertama	70	60	50	45	40
501 - 1,000 km	65	55	45	40	35
1,001 – 1,700 km	55	50	40	35	30
1,701 km dan seterusnya	50	45	35	30	25

3.3.2 Kadar baharu:

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-tiap satu bulan (sen/km)	Kadar mengikut jenis kenderaan (sen/km)	
	Kereta	Motorsikal
500 km pertama	85	55
501 km dan seterusnya	75	45


4. PEMAKAIAN

4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa bermula daripada tuntutan perjalanan bulan Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor